

30/08/2003

PM ajak rakyat bekerja kuat

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi, menyatakan rasa bertuah rakyat negara ini dapat hidup aman damai, berbanding sesetengah negara yang dilanda peperangan.

Perdana Menteri yang mengambil masa kira-kira empat minit untuk menyampaikan puisi bertajuk 'Damainya Negeriku', menyatakan kesanggupan rakyat bekerja kuat akan menghindari bangsa daripada dihina dan dijajah.

Meskipun sepanjang membaca sajak itu beliau begitu tenang tetapi Dr Mahathir sebak seketika apabila membaca bait-bait puisi 'kita tidak lagi akan menjadi bangsa dihina'.

Beliau juga menggambarkan penderitaan rakyat dan kemusnahan ketamadunan sesebuah di negara akibat peperangan.

Dr Mahathir turut menyindir Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana tidak berbuat apa-apa ke atas negara yang melancarkan peperangan, yang kononnya dilakukan atas nama 'keamanan'.

Ini kali keempat Perdana Menteri mendeklamasi sajak pada Malam Puisi Patriotik ke-4 anjuran Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri sempena Bulan Kemerdekaan di Taman Putra Perdana di sini.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyampaikan sajak bertajuk 'Erti Kemerdekaan' pada 2000, diikuti 'Dari Runtuhan Kota Melaka, Kita Dirikan Putrajaya' (2001) dan 'Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa' pada tahun lalu.

Pada majlis itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut mendeklamasi sajak berjudul 'Wanita Dan Hari Kemerdekaan'.

Beberapa personaliti turut menyampaikan puisi termasuk Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khamsiyah Yeop (Tanah Pusaka); Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said (Generasi Yang Gagah) dan Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah (Lidah Ibuku).

Sekumpulan murid Sekolah Kebangsaan Guar Ipoh, Tanah Merah, Kelantan, membuat persembahan dikir barat, manakala penuntut Akademi Seni Kebangsaan mengadakan pentomen.

Malam Puisi Patriotik itu sebahagian daripada Program Perjalanan Kemerdekaan 2003 yang bermula pada 2 Ogos lalu dan berakhir pada 16 September depan.